JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Bagi Mukim 21, pihak JKR telah memohon peruntukan untuk tujuan pengambilan balik tanah pada tahun 2025. Walau bagaimanapun tiada peruntukan diluluskan untuk tujuan pengambilan tersebut. Kerajaan Negeri masih sedang meneliti isu-isu berbangkit.

Bagi Mukim 18, prosiding perbicaraan yang dijangkakan berlangsung pada bulan November 2025. Oleh itu, pembayaran pampasan belum dapat diputuskan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

17. Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mengawal dan menarik talent pool yang merupakan belia Pulau Pinang dari migrasi ke negeri lain untuk peluang pekerjaan?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Pengekalan dan penarikan semula belia Pulau Pinang sebagai *talent pool* berkualiti tinggi juga adalah kunci kepada kejayaan Visi Penang2030.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi InvestPenang komited dalam usaha berterusan untuk membuka peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dalam kalangan belia. Inisiatif strategik ini direka khusus untuk memperkasakan kemahiran sekali gus mengawal migrasi ke tempat lain untuk peluang pekerjaan. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- (i) Memberi khidmat fasilitasi kepada pelabur-pelabur baru di dalam pelaksanaan projek agar peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dapat diwujudkan secara berterusan. Selain itu, InvestPenang secara konsisten menggalakkan syarikat mutinasional untuk melokalisasikan rangkaian bekalan (*supply chain*) dan memberi perkhidmatan fasilitasi dalam *business matching* yang mana secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan kepada perniagaan tempatan; dan

- (ii) Kerjasama berterusan antara InvestPenang dengan agensi-agensi lain dalam usaha mempromosi/ menarik pelaburan baru dan penambahan pelaburan sedia ada di samping di samping menyokong industri kecil sederhana tempatan. Kolaborasi ini membuka peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi bagi penempatan pekerjaan oleh pelabur baru atau sedia ada yang mengembangkan operasi.

Kerajaan Negeri melalui *Penang Career Assistance & Talent Centre* (Pusat CAT) terus memainkan peranan untuk meningkatkan pertumbuhan sumber manusia tempatan melalui kempen *My Penang, My Workplace* yang bertujuan untuk membantu golongan pencari kerja tempatan untuk meningkatkan sumber pendapatan. Selain itu, Pusat CAT berperanan memberi khidmat padanan kerja (job matching) meliputi inisiatif-inisiatif seperti yang berikut:

- (i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya melalui *outreach program* untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar khususnya pelajar tempatan dan juga pencari kerja di Malaysia tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan perkongsiannya kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta *Facebook* Pusat CAT;
- (iii) Kerjasama dengan Penang STEM bagi mempromosikan program berasaskan kemahiran iaitu *Technical Skills Learning* (TSL) kepada sasaran tertentu bagi menggalakkan penyertaan program dan membuka lebih banyak peluang kepada belia yang tidak meneruskan pengajian di peringkat tinggi; dan
- (iv) Kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan termasuk *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA), *Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia* (HRDCorp), dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam mempromosikan program-program

yang memberi manfaat seperti program *upskilling*, latihan, dan kursus jangka pendek kepada golongan belia agar mereka diberi peluang pekerjaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah melaksanakan inisiatif strategik untuk mengawal migrasi dan menarik *talent pool* belia Pulau Pinang yang tertumpu pada dua (2) teras utama iaitu:

(i) Penggalakan Keusahawanan

Program seperti Pertandingan Keusahawanan Belia (YEC) dan Dana Pembangunan Belia disediakan untuk memupuk semangat keusahawanan dan kepimpinan; dan

(ii) Pengiktirafan Bakat

Skim insentif seperti *Best! Anak Penang - Penang Young Talent Excellence Incentive Scheme* menawarkan ganjaran kepada belia yang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum dan menjadikannya tarikan utama untuk mereka kekal dan menyumbang kepada pembangunan negeri.

Dengan pelbagai inisiatif dengan wawasan yang jelas, peluang pekerjaan bagi industri-industri di Pulau Pinang secara langsung akan membuka peluang yang luas kepada golongan belia agar dapat menarik dan mengekalkan bakat di negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVI)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

18. Berapakah jumlah pengangguran bagi mereka yang berkelayakan dari segi pendidikan di Pulau Pinang?
- (a) Berapakah statistik mereka yang menerima gaji di bawah gaji graduan baharu (fresh graduate)?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Merujuk kepada Jadual 9g dalam penerbitan Statistik Siswazah 2024 yang diterbitkan oleh DOSM, jumlah penganggur siswazah di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2024 meningkat kepada 7,000 orang berbanding 6,300 orang pada tahun 2023 yang mana 3,400 orang mempunyai kelayakan Ijazah dan 3,600 orang mempunyai kelayakan diploma seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Menurut laporan yang disediakan oleh Penang Institute, setakat ini tiada data khusus yang menyatakan secara spesifik statistik mereka yang menerima gaji di bawah gaji graduan baharu (fresh graduate).

Namun begitu, berdasarkan taburan graduan bekerja di Pulau Pinang yang berjumlah 333,200 orang dengan median gaji bagi siswazah adalah RM5,334.00 serta anggaran paras gaji bagi graduan baharu adalah RM2,500.00-RM3,000.00, maka anggaran graduan bekerja yang menerima gaji di bawah paras gaji graduan

baharu adalah 10.3% bagi nilai gaji di bawah paras RM2,500.00 dan 17.8% bagi paras gaji RM3,000.00.

Dinyatakan bahawa anggaran ini merupakan pengiraan anggaran terbaik yang boleh diberikan berdasarkan maklumat daripada laporan penerbitan Statistik Siswazah 2024.

**JADUAL 9G DALAM PENERBITAN STATISTIK SISWAZAH 2024 YANG
DITERBITKAN OLEH JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA (DOSM)**

Jadual 9g: Statistik Utama Siswazah, Pulau Pinang, 2020 - 2024
Table 9g: Principal Statistics of Graduates, Pulau Pinang, 2020 - 2024

Statistik Utama <i>Principal Statistics</i>	2020¹	2021¹	2022¹	2023	2024
Jumlah <i>Total</i>	335.3	355.5	364.6	381.9	405.0
Tenaga Buruh <i>Labour Force</i>	278.3	303.3	304.6	325.6	340.3
Bekerja <i>Employed</i>	271.5	296.1	297.4	319.3	333.2
Penganggur <i>Unemployed</i>	6.8	7.3	7.1	6.3	7.0
Luar Tenaga Buruh <i>Outside Labour Force</i>	56.9	52.2	60.0	56.3	64.8
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Siswazah <i>Graduates Labour Force Participation Rate</i>	83.0	85.3	83.5	85.3	84.0
Kadar Pengangguran Siswazah <i>Graduates Unemployment Rate</i>	2.4	2.4	2.3	1.9	2.1

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVI)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

19. Dengan peningkatan kos sara hidup di kawasan bandar Pulau Pinang, bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan kemampuan belia dari segi perumahan, gaji dan kestabilan kewangan dan untuk mengelakkan penghijrahan bakat muda dalam jangka panjang?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Dengan peningkatan kos sara hidup di kawasan bandar khususnya di Pulau Pinang yang sedang pesat membangun sebagai hab ekonomi dan teknologi, Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap cabaran yang dihadapi oleh golongan belia terutamanya dari segi kemampuan memiliki rumah, kestabilan pendapatan serta jaminan masa depan kewangan. Justeru, beberapa strategi dan inisiatif jangka pendek serta jangka panjang sedang dan akan dilaksanakan bagi mengimbangi pertumbuhan ekonomi negeri dengan kemampuan belia seterusnya mengelakkan penghijrahan bakat muda ke luar negeri.

Dari segi perumahan, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) terus memperkukuh dasar Rumah Mampu Milik (kini dikenali sebagai Rumah Mutiaraku – RMKu) yang memberi keutamaan kepada golongan muda dan keluarga baharu berpendapatan sederhana.

Penyediaan Rumah Mutiaraku yang mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang merupakan agenda utama Kerajaan Negeri

selaras dengan Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: 'Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan' dengan sasaran penyediaan sebanyak 220,000 unit RMKu pelbagai kategori menjelang tahun 2030.

Sehingga 31 Oktober 2025, pembekalan unit RMKu telah mencecah sebanyak 170,175 unit bersamaan 77.35% seperti di **LAMPIRAN A**.

Kerajaan Negeri membenarkan permohonan RMKu kepada pemohon yang berusia seawal 21 tahun dan ia memberi kelebihan kepada golongan muda untuk memiliki rumah pertama.

Mengikut data yang dikemaskini dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) sejak 2020 sehingga 31 Oktober 2025, sebanyak 13,365 tawaran telah diberikan kepada pemohon yang berkelayakan bagi golongan muda yang berada di bawah umur 40 tahun. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,722 pemohon telah menerima tawaran, sebanyak 3,909 pemohon dikenalpasti telah menolak tawaran dan sebanyak 4,734 pemohon merupakan penawaran berulang.

Antara inisiatif dalam membantu untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah dalam kalangan belia, Kerajaan Persekutuan melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) yang merupakan syarikat diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan telah memberikan kerjasama untuk lebih melibatkan diri bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang. SJKP berperanan sebagai penjamin bagi kemudahan kewangan melalui panel-panel bank yang turut terlibat dalam skim ini.

Bagi membantu bakal pembeli rumah kali pertama, Skim Jaminan Kredit Perumahan telah diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak RM40 bilion oleh Kerajaan Persekutuan dengan had pembiayaan yang lebih tinggi, iaitu sehingga RM500,000.00 dengan tempoh pembiayaan sehingga 35 tahun. Terkini skim ini ditawarkan melalui 15 institusi kewangan utama seperti di **LAMPIRAN B**.

Skim pembiayaan seperti ini membolehkan pihak institusi kewangan membantu golongan yang sukar mendapatkan

pinjaman dan golongan yang tidak mempunyai bukti pendapatan bulanan yang tetap tanpa mengira jenis pekerjaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menggalakkan pelaksanaan Skim Sewa Untuk Milik (*Rent to Own – RTO*) sebagai langkah membantu belia yang belum mampu menyediakan deposit awal untuk membeli rumah. Kerajaan Negeri juga telah menetapkan Visi Penang2030 di bawah sasaran kedua dalam Inisiatif Strategik A1: Menangani isu kemampuan dan kepelbagaian perumahan dengan sasaran pembekalan sebanyak 22,000 unit RMM melalui Skim Sewa Beli menjelang tahun 2030. Sehingga kini, sebanyak 5,096 unit bersamaan dengan 23.16% telah disenaraikan untuk ditawarkan secara sewa beli.

Melalui Skim RTO ini, golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan dari institusi kewangan masih boleh memiliki rumah dengan menandatangani perjanjian sewa beli dengan Kerajaan Negeri melalui LPNPP untuk tempoh 15 ke 20 tahun pada kadar faedah 0%. Unit tersebut seterusnya boleh dipindah milik kepada penyewa beli apabila bayaran penuh disempurnakan. Skim RTO ini melibatkan skim-skim perumahan jenis RMKu A, RMKu B dan RMKu C.

Di samping aspek perumahan, bakat muda di Negeri Pulau Pinang juga dikukuhkan dari segi kemampuan gaji dan kestabilan kewangan melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuklah Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), *Penang Skills Development Centre* (PSDC) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang memberi fokus kepada pembangunan kemahiran dan kebolehpasaran untuk menerapkan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri berteknologi tinggi dan secara langsung melonjakkan kemampuan kewangan dalam kalangan belia malah mengelakkan penghijrahan dalam jangka panjang.

Berikut adalah beberapa pendekatan dan inisiatif yang berkaitan:

- (i) Pertandingan Keusahawanan Belia (YEC) dan Dana Pembangunan Belia disediakan untuk memupuk semangat keusahawanan dan kepimpinan;

- (ii) Pembangunan dan penawaran program latihan berimpak tinggi oleh PSDC khususnya dalam sektor berimpak tinggi seperti semikonduktor, automasi, mekatronik, reka bentuk cip dan Digitalisasi Industri (*Industry 4.0*) melalui program *Penang Semiconductor Industrial Skills Enhancement (PeKIS)* dan *Penang Chip Design Academy (PCDA)* yang menggunakan pendekatan '*train and place*' untuk menjamin setiap peserta menerima latihan teknikal yang relevan dan mendapat pekerjaan selepas tamat latihan; dan
- (iii) Program NCER yang melibatkan penglibatan aktif golongan B40 dan belia di Pulau Pinang melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat, Usahawan Tani (IPR-INTAN) yang memfokuskan kepada penggunaan teknologi dan kaedah pertanian moden dalam meningkatkan pendapatan peserta dan produktiviti. Melalui penglibatan dalam program IPR-INTAN ini, para peserta akan memperoleh pendapatan minimum RM2,000.00 sebulan, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 serta berpeluang untuk menjadi Usahawan Tani.

Secara ringkas, strategi Kerajaan Negeri adalah dwifokus iaitu dengan meningkatkan kemampuan golongan belia melalui pendidikan dan kemahiran malah pada masa yang sama menawarkan insentif dan sokongan untuk pengurusan kewangan yang lebih baik serta mengurangkan sebahagian beban kos sara hidup.

LAMPIRAN A**PERINCIAN MENGIKUT JENIS RMKU DAN PERINGKAT
PEMBANGUNAN SEJAK TAHUN 2008 SEHINGGA
31 OKTOBER 2025**

JENIS RMKu	SIAP DIBINA (unit)	PELBAGAI PERINGKAT PEMBINAAN (unit)	PERANCANGAN (unit)
RMKu A	23,017	4,029	6,944
RMKu B	15,592	5,741	13,030
RMKu C	22,562	25,195	54,065
Jumlah	61,171	34,965	74,039
Jumlah Keseluruhan	170,175		

**SENARAI INSTITUSI KEWANGAN DI BAWAH
SKIM JAMINAN KREDIT PERUMAHAN**

BIL.	NAMA BANK
1.	Affin Bank Berhad
2.	AmBank Islamic Berhad
3.	Bank Simpanan Nasional Berhad
4.	Maybank Islamic Berhad
5.	Agro Bank Berhad
6.	Bank Islam Malaysia Berhad
7.	Hong Leong Bank Berhad
8.	MBSB Bank Berhad
9.	Alliance Bank Malaysia
10.	Bank Muamalat Malaysia
11.	Hong Leong Islamic Bank
12.	RHB Islamic Bank
13.	Alliance Islamic Bank
14.	Bank Rakyat Berhad
15.	Maybank Berhad

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVI)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

20. Apakah rancangan jangka panjang kerajaan untuk merapatkan jurang antara keperluan industri berteknologi tinggi di Pulau Pinang dan kemahiran semasa belia Pulau Pinang untuk memasuki pasaran kerja?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Pembangunan industri berteknologi tinggi yang meliputi sektor elektrik dan elektronik, semikonduktor, automasi, reka cipta litar elektronik dan pembungkusan termaju semakin rancak membangun dan menjadi pemacu utama ekonomi di Negeri Pulau Pinang. Impak pembangunan tersebut mencipta keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan menuntut para belia supaya bersedia dengan kemahiran yang kukuh dan relevan dengan arus semasa.

Oleh yang demikian, rancangan jangka panjang akan menjadi penanda aras untuk merapatkan jurang keperluan industri berteknologi tinggi di Pulau Pinang dan kemahiran semasa belia Pulau Pinang untuk memasuki pasaran kerja.

Untuk menyokong aspirasi tersebut, pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi menjadi agenda utama terutama golongan belia. Berikut adalah beberapa inisiatif penting yang merupakan pelan jangka panjang untuk pembangunan kemahiran belia:

(i) Pelan Tindakan Bakat STEM Pulau Pinang;

1) Pelan Tindakan Bakat STEM Pulau Pinang adalah inisiatif jangka panjang Kerajaan Negeri yang bertujuan memperkasa belia dengan kemahiran dalam bidang *Science, Technology, Engineering dan Mathematics* (STEM) untuk memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi di Negeri Pulau Pinang. Dalam memastikan laluan kerjaya yang jelas bagi graduan STEM untuk menyertai industri berteknologi tinggi di Pulau Pinang, pendekatan yang digunakan adalah dengan menyediakan program latihan praktikal, bengkel, kursus sijil/ diploma dan peluang pembangunan kemahiran digital serta menggalakkan penyertaan belia dalam projek penyelidikan dan pembangunan, inkubasi teknologi dan inisiatif inovasi industri. Objektif utama pelan tindakan tersebut adalah seperti yang berikut:

- a) Meningkatkan kebolehan belia melalui latihan STEM yang relevan dengan permintaan industri;
- b) Mewujudkan kerjasama strategik antara kerajaan, institusi pendidikan dan sektor swasta bagi memastikan kemahiran yang diajar sepadan dengan kehendak pasaran kerja; dan
- c) Menarik dan membangunkan bakat tempatan untuk menyokong pertumbuhan sector teknologi tinggi seperti elektronik, reka bentuk cip, pembungkusan maju, dan digitalisasi.

(ii) Pelan Induk Perindustrian Negeri Pulau Pinang 2030 (PPIP 2030);

1) Pelan Induk Perindustrian Negeri Pulau Pinang 2030 (PPIP 2030) adalah strategi jangka panjang kerajaan negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai

destinasi pelaburan pilihan dan pusat industri berteknologi tinggi. Pelan ini menekankan pembangunan infrastruktur industri, peningkatan daya saing syarikat tempatan serta pembangunan modal insan berkemahiran tinggi yang selaras dengan keperluan sektor elektronik, digital dan pembuatan. Melalui PPIP 2030, kerajaan negeri bertujuan memperkukuh ekosistem industri bersepadu yang menyokong inovasi, penyelidikan dan pembangunan serta peluang pekerjaan bernilai tinggi bagi belia tempatan sekali gus merapatkan jurang kemahiran antara tenaga kerja dan kehendak pasaran.

(iii) Pembangunan Digital Dan Latihan Kemahiran Khusus; dan

- 1) Pembangunan digital dan latihan kemahiran khusus di Negeri Pulau Pinang bertumpu kepada pemerksaan belia dengan kemahiran digital dan teknikal yang relevan dengan industri berteknologi tinggi. Melalui inisiatif Digital Penang iaitu kampus pengaturcaraan 42 *Penang* serta institusi latihan teknikal seperti Penang Skills Development Centre (PSDC), belia diberi peluang mengikuti latihan praktikal, pembangunan perisian, keselamatan siber dan kemahiran teknikal lain yang selaras dengan kehendak pasaran semasa.

(iv) Pusat Penyelidikan/ Reka Bentuk Cip Dan Pembungkusan Maju.

- 1) Pusat penyelidikan dan reka bentuk cip serta pembungkusan maju di Pulau Pinang bertujuan membangunkan kapasiti tempatan dalam penyelidikan dan pembangunan serta inovasi teknologi cip elektronik. Dengan sokongan Kerajaan Negeri dan kerjasama industri, pusat ini menyediakan peluang latihan, penyelidikan, dan inkubasi teknologi yang membangunkan bakat tempatan mahir dalam reka bentuk cip dan pembungkusan maju.

Pelan strategik yang dibangunkan hendaklah dimanfaatkan oleh golongan belia agar wawasan Kerajaan Negeri bergerak seiring dan peluang yang terbuka perlu digunakan untuk kemajuan masa hadapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

21. Berikan jumlah graduan baharu yang bekerja secara ketidakpadanan (job mismatch) dengan kelayakan pendidikan mereka di Pulau Pinang.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Berdasarkan data terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2024, jumlah tenaga buruh berpendidikan tinggi di Pulau Pinang adalah seramai 380,000 orang. Sebanyak 93.9% daripada jumlah tersebut yang mewakili 356,700 orang bekerja dalam kategori pekerjaan berkemahiran tinggi (skilled) dan ini menunjukkan padanan yang baik antara tahap pendidikan dan jenis pekerjaan.

Oleh yang demikian, kira-kira 6.1% graduan yang dikesan berada dalam kategori pekerjaan di bawah tahap kelayakan pendidikan (job mismatch). Situasi ini menggambarkan bahawa walaupun sebahagian besar graduan di Negeri Pulau Pinang berjaya memperoleh pekerjaan yang setara dengan kelayakan mereka, masih terdapat segelintir yang bekerja di bawah tahap kemahiran akademik.

Walau bagaimanapun, kadar tersebut adalah lebih rendah berbanding kadar nasional iaitu 15.8%. Pencapaian positif sebegini membuktikan bahawa pembangunan industri yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri berupaya memainkan peranan penting dalam menangani isu kesepadanan kemahiran graduan dengan pasaran kerja. Di samping itu, usaha

berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan setiap graduan mendapat penempatan pekerjaan yang setara dengan tahap kemahiran mereka.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVI)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

22. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyelaraskan strategi pembangunan ekonomi dan sosialnya untuk memastikan belia dapat membina mata pencarian yang mampan, kukuh dan relevan tanpa perlu meninggalkan Negeri Pulau Pinang untuk peluang pekerjaan?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Untuk membendung penghijrahan belia demi peluang pekerjaan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang giat melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menyelaraskan strategi pembangunan ekonomi dan sosial. Kini, Negeri Pulau Pinang dikenali sebagai *Silicon Valley of the East* dengan ekosistem industri elektrik dan elektronik (*E&E*) yang kukuh dan pelbagai strategi diselaraskan untuk memastikan golongan belia tetap kukuh dan relevan tanpa perlu meninggalkan Negeri Pulau Pinang untuk peluang pekerjaan. Antara strategi yang telah dibuat adalah seperti yang berikut:

(i) Pelaburan Strategik

Melalui InvestPenang dan Penang Development Corporation (PDC), Kerajaan Negeri menarik pelaburan berkualiti tinggi dari syarikat multinasional (MNC) dan perusahaan tempatan;

(ii) **Peluang Pekerjaan Bernilai Tinggi**

Rentetan daripada pelaburan yang wujud, kehadiran syarikat-syarikat semikonduktor gergasi seperti Intel Malaysia, Advanced Micro Devices (AMD), Bosch dan lain-lain membuka peluang pekerjaan yang luas dalam bidang kejuruteraan, automasi dan teknologi digital yang sesuai dengan kemahiran belia berpendidikan tinggi. Senario ini malahan menarik minat belia dari negeri luar untuk berhijrah ke Pulau Pinang;

(iii) **Pembangunan Modal Insan dan Kemahiran Belia**

Pembangunan modal insan di peringkat akar umbi sangat dititikberatkan melalui pelbagai program *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) di peringkat sekolah. Seterusnya, program latihan yang ditawarkan mempunyai kesinambungan pada golongan belia melalui Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) iaitu Penang Skills Development Centre (PSDC) yang menawarkan program yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri. TVET PSDC telah melahirkan 243 orang graduan pada tahun 2024 dan 2025. Daripada jumlah tersebut, 226 orang graduan yang mewakili 93% daripada jumlah keseluruhan telah mendapat penempatan pekerjaan. Statistik ini membuktikan bahawa strategi Kerajaan Negeri dalam pembinaan modal insan melahirkan tenaga mahir yang kukuh dan relevan dari segi kemampuan ekonomi dan sosial secara tidak langsung. Pembangunan modal insan juga meliputi pembiayaan biasiswa kepada pelajar cemerlang dalam bidang STEM melalui *Penang Future Foundation* (PFF) dengan keutamaan kepada mereka yang kembali bekerja di Pulau Pinang;

(iv) **Galakan Keusahawanan dan Ekonomi Kreatif**

Selain sektor perindustrian, Kerajaan Negeri turut memacu ekonomi kreatif dan keusahawanan sebagai strategi mapan memperkukuh kemampuan ekonomi dan sosial para belia. Antara inisiatif yang dijalankan termasuklah:

- (i) Pelaksanaan kelas-kelas digital oleh Digital Penang di seluruh negeri bagi membuka peluang kepada golongan belia dan masyarakat untuk mendalami asas kemahiran digital. Usaha ini memperluas kesedaran awam terhadap potensi teknologi sebagai pemangkin utama pembangunan ekonomi masa hadapan, di samping memperkuat keupayaan modal insan tempatan untuk beradaptasi dengan perubahan ekonomi berasaskan inovasi dan automasi. Menyokong syarikat pemula (*start-up*) tempatan dengan pembiayaan dan bimbingan perniagaan; dan
- (ii) Menggalakkan belia menceburi bidang ekonomi kreatif melalui *Penang Creative Economy Agenda* (PCEA) yang bertujuan untuk memperkuat bidang seni, reka bentuk, kandungan digital dan pelancongan budaya sebagai sektor berpotensi tinggi untuk belia kreatif. Di Negeri Pulau Pinang, sektor ini diangkat sebagai satu pemacu diversifikasi ekonomi yang bukan semata-mata bergantung kepada industri berat atau pengeluaran.

(v) **Pembangunan Sosial**

Untuk mengekalkan bakat muda di negeri ini, aspek keseimbangan hidup dan kemampanan sosial juga diseimbangi oleh Kerajaan Negeri melalui tawaran Perumahan Mampu Milik yang memberi keutamaan kepada golongan muda dan keluarga baharu berpendapatan sederhana. Dasar Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) membenarkan permohonan Rumah Mutiaraku (RMKu) kepada pemohon yang berusia seawal 21 tahun dan ia memberi kelebihan kepada golongan muda untuk memiliki rumah pertama; dan

(vi) Penyelarasan Dasar dan Kerjasama Pelbagai Pihak

Kerajaan Negeri menyelaraskan pembangunan yang bersepadu melalui Pelan Induk Visi Penang 2030: “Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara” yang menjadi asas kepada pembangunan yang seimbang dengan mengambil kira kepentingan setiap lapisan masyarakat dan golongan belia tidak terkecuali.

Secara keseluruhan, melalui strategi bersepadu yang menggabungkan pembangunan ekonomi bernilai tinggi, pemerkasaan kemahiran, sokongan keusahawanan dan peningkatan kualiti hidup, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berusaha memastikan belia dapat membina kerjaya mampan dan relevan tanpa perlu berhijrah untuk peluang pekerjaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

23. Berikan statistik premis kedai makan yang dikenakan tindakan / diarah tutup atas faktor ketidakpatuhan dari aspek kebersihan di Pulau Pinang pada tahun 2023, 2024 dan 2025.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Berdasarkan rekod dari Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), sebanyak 17,500 buah premis makanan telah diperiksa di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tempoh 2023 sehingga 2025. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 546 premis makanan telah dikenakan tindakan penutupan kerana didapati tidak mematuhi standard kebersihan dan keselamatan makanan yang ditetapkan. Perincian statistik premis kedai makan yang diperiksa dan premis yang dikenakan tindakan penutupan adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PREMIS YANG TELAH DIPERIKSA	JUMLAH PREMIS YANG DIKENAKAN TINDAKAN PENUTUPAN
2023	5,745	52
2024	5,939	208
2025 (sehingga Oktober)	5,816	286

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVI)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

24. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang tidak mengorbankan kemampuan ekonomi belia dan komuniti setempat?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui InvestPenang secara berterusan membantu mewujudkan peluang pekerjaan baharu berpendapatan tinggi bagi memberi manfaat kepada golongan belia khususnya dalam sektor kemahiran dan teknologi.

Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah memberi khidmat fasilitasi kepada pelabur baharu dalam pelaksanaan projek agar peluang pekerjaan dapat diwujudkan secara berterusan. Selain itu, InvestPenang secara konsisten menggalakkan syarikat multinasional melokalisasikan rantai bekalan (*supply chain*) dan menyediakan perkhidmatan padanan perniagaan (*business matching*) yang secara tidak langsung membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada perniagaan dan tenaga kerja tempatan.

Kerjasama berterusan turut dijalinkan antara InvestPenang dan agensi-agensi berkaitan bagi meneruskan usaha mempromosikan serta menarik pelaburan baharu sama ada daripada pelabur baharu mahupun penambahan pelaburan daripada pelabur sedia ada. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh ekosistem pelaburan negeri tetapi juga membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

tempatan, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan terutamanya golongan belia yang berkemahiran.

Selain itu, *The Penang Career Assistance and Talent Centre* (Penang CAT Centre) terus memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan sumber manusia tempatan melalui pelaksanaan kempen *My Penang, My Workplace* yang bertujuan membantu pencari kerja tempatan meningkatkan sumber pendapatan dan kebolehpasaran diri.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh Penang CAT Centre ialah:

- (i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya utama melalui pelaksanaan program *outreach* yang memberi pendedahan dan kesedaran kepada pelajar, belia serta pencari kerja di seluruh Malaysia mengenai peluang pekerjaan di negeri ini;
- (ii) Menjalin jangkauan proaktif dengan agensi-agensi pekerjaan bagi memahami dan mendapatkan maklumat tentang peluang pekerjaan aktif untuk dikongsi kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta platform media sosial rasmi Penang CAT Centre; dan
- (iii) Bekerjasama dengan *Penang Science, Technology, Engineering and Mathematics* (Penang STEM) dalam mempromosikan program berasaskan kemahiran seperti *Technical Skills Learning* (TSL) bagi menggalakkan penyertaan belia yang tidak melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi untuk memperoleh kemahiran teknikal yang diperlukan oleh industri.

Kerajaan Negeri turut menjalinkan kerjasama dengan Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), Human Resource Development Corporation (HRDCorp) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam mempromosikan serta melaksanakan pelbagai program latihan, *upskilling* dan kursus jangka pendek. Program-program ini memberi manfaat secara langsung kepada golongan belia agar mereka dapat meningkatkan kemahiran dan berpeluang mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

Dengan pelbagai pelan perancangan dan kerjasama strategik yang dilaksanakan ini, peluang pekerjaan dalam pelbagai industri di Pulau Pinang semakin berkembang sekali gus memberi ruang yang lebih luas kepada golongan belia untuk menyertai pasaran kerja berkemahiran tinggi. Usaha berterusan ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negeri yang pesat tidak mengorbankan kemampuan ekonomi belia dan komuniti setempat, sebaliknya memperkukuh pembangunan ekonomi rakyat secara menyeluruh dan mampan.